



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**

**PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : ASAS KEUSAHAWANAN**  
**KOD KURSUS : ETR2022**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**  
**MASA : 2 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Jawab semua soalan dari **BAHAGIAN A, BAHAGIAN B** dan **BAHAGIAN C**
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Kertas jawapan objektif

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **dua puluh (20)** soalan.

Jawab **semua** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Usahawan boleh didefinisikan sebagai
  - A memilih dan meneruskan peluang perniagaan.
  - B merebut peluang tanpa memikirkan keuntungan.
  - C usaha untuk mengaut keuntungan semata-mata.
  - D mencari, mengenal dan merebut peluang perniagaan.
  
2. Berikut adalah ciri-ciri kompetensi usahawan **kecuali**
  - A Tidak berani menanggung risiko.
  - B Berpandangan jauh dan bercita-cita tinggi.
  - C Membuat pembaharuan untuk keperluan pelanggan.
  - D Aktiviti yang menguntungkan dan menyumbang kepada masyarakat dan negara.
  
3. Peluang di dalam pasaran dianggap masih wujud jika masih terdapat ruang untuk memenuhi kehendak pasaran. Yang manakah di antara berikut menyumbang kepada peluang perniagaan yang baik?
  - A Persaingan yang sengit
  - B Kualiti produk yang baik
  - C Produk telah lama wujud
  - D Permintaan pelanggan yang statik

4. Berikut merupakan sumber-sumber utama di dalam menjalankan perniagaan

**kecuali**

- A Modal.
- B Pesaing.
- C Bahan mentah.
- D Sumber manusia.

5. Keusahawanan boleh didefinisikan sebagai

- A satu proses mencari, mengenal dan merebut peluang perniagaan.
- B pandangan pengguna kepada sesuatu produk itu sentiasa berubah-ubah mengikut masa dan keadaan.
- C perhubungan yang wujud di antara orang-orang yang menjalankan perniagaan bersama bagi mendapatkan keuntungan.
- D satu proses penciptaan sesuatu barang baru dengan menambah nilai yang sedia ada serta mengumpul sumber-sumber untuk mencari peluang dalam jangka masa panjang.

6. Manakah antara berikut elemen-elemen yang tidak dapat dikawal oleh usahawan dalam jangka masa pendek?

- i. Politik
- ii. Ekonomi
- iii. Pelanggan
- iv. Agensi kerajaan

- A ii dan iv
- B iii dan iv
- C i, ii, dan iii
- D i, ii, dan iv

7. Prinsip asas etika merangkumi

- i. Keadilan.
- ii. Toleransi.
- iii. Provokasi.
- iv. Tepati janji.

- A i dan ii
- B i dan iii
- C iii dan iv
- D i, ii dan iv

8. Encik Lim Sian merupakan seorang usahawan berbangsa Cina yang sedang berjinak-jinak untuk menjalankan perniagaan halal di Malaysia. Apakah prinsip-prinsip asas etika perniagaan dalam Islam yang perlu ditekankan oleh Encik Lim Sian ?

- A Menjalankan perniagaan amal.
- B Mementingkan kehendak pasaran yang terkini.
- C Menyediakan perkhidmatan halal dan menjauhi riba.
- D Niat untuk memperolehi keuntungan yang maksimum.

9. Persaingan yang sihat merupakan salah satu faktor sesuatu perniagaan itu boleh bertahan lama di pasaran. Antara berikut yang manakah merupakan etika persaingan yang sihat?
- A Meniru hak cipta pesaing.
  - B Menyebarkan keburukan produk pesaing.
  - C Meniru dan menambahbaik produk pesaing.
  - D Menggunakan nama baik pesaing untuk menjual produk sendiri.
10. Etika boleh didefinisikan sebagai
- A tanggungjawab sosial terhadap pelabur dan pemilik
  - B usaha mencari keuntungan bagi sesebuah perniagaan sehingga terpaksa menanggung risiko yang tinggi.
  - C prinsip moral atau akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau kumpulan.
  - D prinsip-prinsip moral dan piawai kelakuan perniagaan yang dapat diterima oleh komuniti peniaga sahaja.
11. Berikut merupakan kepentingan etika dalam perniagaan **kecuali**
- A mendapat sokongan pekerja.
  - B menjalinkan hubungan baik dengan pembekal.
  - C membuat keyakinan dalam kalangan pelanggan.
  - D mengikut kehendak sendiri tanpa mengira pendapat majoriti.

12. Antara berikut, yang manakah **bukan** prinsip asas etika perniagaan Islam?
- A Ketabahan.
  - B Hindari hutang.
  - C Menipu timbangan.
  - D Menekankan aktiviti halal.
13. Inkubasi bermaksud
- A pengilhaman idea.
  - B proses berfikir secara sedar dan terarah.
  - C fahami masalah dan selesaikan dengan usaha yang bersistem.
  - D masa berehat dan waktu bertenang untuk berfikir dengan lebih baik.
14. Penjanaan idea yang kreatif mestilah melalui proses percambahan idea yang baik. Berikut merupakan pernyataan yang betul mengenai proses percambahan idea **kecuali**
- A Elak komen negatif.
  - B Jana idea dengan lebih banyak.
  - C Dijalankan secara persendirian.
  - D Memperbanyakkan kombinasi idea.
15. Yang manakah di antara berikut **bukan** halangan kepada inovasi?
- A Malas ingin berfikir.
  - B Takut kepada risiko.
  - C Suka berangan-angan.
  - D Tidak peka kepada perubahan.

16. Mengapakah sesuatu inovasi itu dianggap penting kepada sesuatu produk?
- A Menunjukkan kecekapan perniagaan.
  - B Memastikan pesaing tidak meniru produk.
  - C Memastikan harga produk tidak terlalu mahal.
  - D Memastikan produk terus maju dan tidak ketinggalan zaman.
17. Sasaran pasaran bermaksud
- A sekumpulan pesaing yang akan bersaing di dalam pasaran.
  - B sekumpulan pembekal yang akan membekalkan sumber kepada perniagaan.
  - C sekumpulan pelanggan yang mempunyai keperluan dan kehendak yang dapat dipenuhi.
  - D sekumpulan pekerja yang akan memenuhi kekosongan sumber tenaga kerja di dalam perniagaan.
18. Keperluan pekerja boleh dibahagikan kepada \_\_\_\_\_
- A gaji dan motivasi.
  - B gaji dan cuti tahunan.
  - C keselamatan dan motivasi.
  - D kewangan, motivasi dan keselamatan.
19. Produk yang baik mestilah mempunyai ciri-ciri kualiti yang tersendiri **kecuali**
- A Harga yang mahal.
  - B Reka bentuk yang menarik.
  - C Ciri keselamatan yang unggul.
  - D Unik dan berbeza daripada pasaran.

20. \_\_\_\_\_ merupakan perniagaan yang paling mudah ditubuhkan dan dimiliki oleh seorang pemilik sahaja.

- A Syarikat Berhad.
- B Milikan Tunggal.
- C Penyewaan Perniagaan.
- D Perniagaan Perkongsian.

**[20 MARKAH]**



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **empat (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Berikan definisi etika perniagaan. (2 markah)
- b) Nyatakan **empat (4)** prinsip etika. (4 markah)
- c) Senaraikan **empat (4)** kepentingan etika dalam perniagaan. (4 markah)

**SOALAN 2**

- a) Nyatakan konsep perniagaan Islam. (2 markah)
- b) Senaraikan **empat (4)** prinsip etika perniagaan Islam. (4 markah)
- c) Dalam perniagaan, apakah yang dimaksudkan “menjaga kualiti” dan “penjagaan alam sekitar”? (4 markah)

**SOALAN 3**

- a) Senaraikan **dua (2)** ciri-ciri permikiran yang kreatif. (2 markah)
- b) Dalam proses kreativiti, apakah yang dimaksudkan dengan “inkubasi”? (2 markah)
- c) Bincangkan **tiga (3)** halangan kepada kreativiti. (6 markah)

**SOALAN 4**

- a) Nyatakan **dua (2)** persekitaran yang kreatif? (2 markah)
- b) Jelaskan maksud inovasi. (2 markah)
- c) Huraikan **tiga (3)** jenis inovasi berserta contoh. (6 markah)

**[40 MARKAH]****BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Menurut Seksyen 3, Akta Perkongsian, mentakrifkan perkongsian sebagai perhubungan yang wujud di antara orang-orang yang menjalankan perniagaan bersama bagi mendapatkan keuntungan.

- a) Nyatakan **tiga (3)** kelebihan dan **tiga (3)** kekurangan perniagaan perkongsian. (6 markah)
- b) Terangkan **dua (2)** bentuk perniagaan francais iaitu:
- i. Francais pengilangan produk.
- ii. Francais menawarkan format. (4 markah)

**SOALAN 2**

Pemasaran sebagai satu aktiviti, rancangan dan proses mencipta, menyampai, menghantar dan menukar tawaran yang bernilai untuk pengguna, pelanggan, rakan kongsi dan masyarakat secara keseluruhan.

- a) Jelaskan maksud pemasaran. (2 markah)
- b) Huraikan **empat (4)** langkah dalam menyediakan ramalan jualan. (8 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

